



KERAJAAN MALAYSIA

**PEKELILING KEMAJUAN PENTADBIRAN AWAM
BILANGAN 2 TAHUN 2002**

**GARIS PANDUAN
PEMBERIAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG
ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM**

**JABATAN PERDANA MENTERI
MALAYSIA
NOVEMBER 2002**

Dikelilingkan Kepada:

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan



JABATAN PERDANA MENTERI MALAYSIA
KOMPLEKS JABATAN PERDANA MENTERI
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62505 PUTRAJAYA

Telefon : 603-8888 1199
Fax : 603-8888 3721

Rujukan Kami: UPTM159/478/4 Klt.8
Tarikh : 22 November 2002

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

PEKELILING KEMAJUAN PENTADBIRAN AWAM BILANGAN 2 TAHUN 2002

GARIS PANDUAN PEMBERIAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan menyediakan dasar dan kaedah bagi pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kepada anggota Perkhidmatan Awam.

LATAR BELAKANG

2. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) merupakan penghargaan Kerajaan kepada anggota Perkhidmatan Awam yang telah memberi perkhidmatan yang cemerlang. Perkhidmatan cemerlang adalah perkhidmatan yang diberikan oleh seseorang anggota Perkhidmatan Awam yang mutu atau penghasilannya melebihi daripada keperluan tanggungjawab biasa bagi jawatannya. Perkhidmatan yang diberikan itu boleh dijadikan contoh dan ikutan, serta memberi pengaruh yang menggerakkan kecergasan bekerja dan daya usaha anggota Perkhidmatan Awam yang lain.

3. Kerajaan telah melaksanakan Sistem Saran Malaysia berkuatkuasa mulai 1 November 2002. Berikutan dengan pelaksanaan sistem ini, Kerajaan telah menetapkan supaya dasar dan kaedah pemberian APC diubahsuai sewajarnya. Dengan itu, mulai daripada tarikh keluarnya Pekeliling ini semua peraturan dan rujukan mengenai pemberian APC hendaklah menggunakan Pekeliling ini.

DASAR DAN KADEAH BARU PEMBERIAN APC

4. Dasar dan kaedah baru pemberian APC adalah seperti berikut:

Kelayakan

5. Anggota yang layak dipertimbangkan untuk dipilih dan diberi APC adalah seperti berikut:

- (a) anggota Perkhidmatan Awam dalam semua kumpulan, gred dan kategori yang dilantik oleh mana-mana pihak berkuasa melantik, termasuk pihak yang diwakilkan kuasa oleh pihak berkuasa melantik berkenaan, untuk berkhidmat dengan agensi awam sama ada secara tetap, sementara atau kontrak. Ini termasuk anggota yang berada di atas tangga gaji dan syarat-syarat perkhidmatan di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976, Sistem Saraan Baru (SSB) dan Sistem Saraan Malaysia; dan
- (b) telah berkhidmat bagi tempoh genap setahun penuh pada hari terakhir tahun penilaian.

Asas Penilaian

6. Pemilihan anggota yang layak adalah berpandukan kepada markah yang diperolehi dalam penilaian prestasi tahunan dengan menggunakan Borang Laporan Penilaian Prestasi Tahunan yang ditetapkan oleh Kerajaan. Anggota yang mendapat markah 85 peratus dan lebih adalah **layak dipertimbangkan** untuk menerima APC.

7. Anggota yang memenuhi syarat-syarat seperti di perenggan 5 dan 6 seterusnya layak dipertimbangkan untuk diberi APC oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM). Pemilihan di peringkat ini adalah berdasarkan kepada penilaian PPSM ke atas sumbangan anggota berkenaan kepada organisasi, Perkhidmatan Awam, komuniti, daerah, negeri, negara dan peringkat antarabangsa.

Bilangan Penerima

8. Bilangan penerima APC bagi setiap agensi tidak boleh melebihi 8 peratus daripada jumlah anggota yang sedang berkhidmat pada 31 Disember tahun penilaian berkenaan. Walau bagaimanapun had maksimum ini tidak semestinya dipenuhi jika jumlah anggota yang layak tidak mencukupi. Sekiranya pada tahun berkenaan tidak ada yang layak menerima APC, maka agensi tidak perlu melaksanakan APC bagi tahun berkenaan.

Insentif dan Hadiah

9. Insentif dan hadiah APC adalah seperti berikut:

- (a) Sijil Perkhidmatan Cemerlang;
- (b) hadiah prestasi sebanyak RM1,000;
- (c) peluang dan keutamaan untuk memajukan kerjaya seperti menghadiri kursus, seminar atau persidangan yang boleh menyumbang kepada peningkatan prestasi kerja;
- (d) peluang dan keutamaan bagi pencalonan untuk menerima pingat, bintang dan darjah kebesaran Persekutuan dan negeri; dan
- (e) nama dan gambar penerima dipamerkan di pejabat di lokasi yang strategik atau yang biasa dikunjungi orang ramai.

PEMAKAIAN

10. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan.

TARIKH KUATKUASA

11. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 2003. Bagaimanapun oleh kerana borang laporan penilaian prestasi yang baru hanya akan digunakan mulai tahun 2003, maka bagi tahun penilaian 2002, pemberian APC mengikut dasar dan kaedah baru di bawah Pekeliling ini hendaklah menggunakan asas penilaian prestasi anggota berdasarkan borang laporan penilaian prestasi tahunan yang digunakan untuk tahun 2002.

PEMBATALAN

12. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini, Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 1993 bertajuk “Garis Panduan Mengenai Pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Perkhidmatan Awam” serta pindaan-pindaan yang berkaitan, iaitu Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1993 (Pindaan No. 1/1993); Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1993 (Pindaan No. 2/1993); Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1993 (Pindaan No. 1/1995); Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1993

(Pindaan No. 1/1996) dan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1993
(Pindaan No. 1/2000) adalah dibatalkan.

(TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN)

Ketua Setiausaha Negara